

Penduduk Serah Memo di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Desak Tolak Penambakan di Depan Persiaran Karpal Singh

Georgetown, PULAU PINANG (20 November 2025) - Penduduk Bandar Sri Pinang dan kawasan kejiranan sekitarnya, bersama **Jawatankuasa Bertindak Protect Karpal Singh Drive (Protect Karpal)**, hari ini telah menyerahkan **satu memorandum rasmi** kepada **Ketua Menteri Pulau Pinang** dan **Ketua Pembangkang** di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, bagi mendesak **penolakan cadangan projek penambakan dan kitar semula sisa tapak pelupusan di perairan hadapan Persiaran Karpal Singh**.

Memorandum tersebut diserahkan selepas satu **himpunan aman** di luar pintu masuk utama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, di mana penduduk, keluarga dan para penyokong berhimpun untuk menyuarakan kebimbangan mereka terhadap projek yang dipercayai akan membawa **kesan serius dan jangka panjang** kepada kesihatan awam, ekosistem laut yang berkait dengan Middle Bank, serta identiti Persiaran Karpal Singh sebagai satu ruang awam yang bermakna.

"Kami berada di sini kerana projek ini akan memusnahkan pantai dan komuniti kami sepanjang 20 hingga 30 tahun akan datang," kata **Dr K Ganesh**, jurucakap ProtectKarpal. "Kami tidak menentang pemulihan Tapak Pelupusan Jelutong yang dilakukan secara betul dan selamat. Apa yang kami tolak ialah penggunaan keperluan pemulihan itu sebagai alasan untuk penambakan baharu dan menjadikan depan rumah kami satu zon kitar semula terbuka berskala industri yang bising dan tercemar, betul-betul di hadapan rumah kami dan sekolah anak-anak kami."

Penduduk berhujah bahawa projek yang menggabungkan **penambakan laut** dengan **pengorekan sisa terbuka dan kitar semula sisa tapak pelupusan lama** ini akan membawa risiko yang tidak boleh diterima ke atas:

- **Kesihatan awam**, khususnya kanak-kanak dan warga emas, akibat habuk, bunyi bising dan kemungkinan pelepasan gas beracun daripada bahan tapak pelupusan yang diganggu;
- **Ekosistem pesisir dan marin** yang berkait dengan Middle Bank, yang telah dikenali pasti oleh para saintis sebagai kawasan penting bagi rumpai laut (seagrass) dan habitat ikan;
- **Kualiti hidup dan keselamatan kejiranan**, berikutan jangkaan peningkatan trafik berat, aktiviti pembinaan dan kesesakan jangka panjang;
- **Legasi simbolik Persiaran Karpal Singh**, yang dinamakan sempena mendiang Datuk Seri Karpal Singh, sebagai ruang awam untuk rekreasi dan kehidupan komuniti.

"Persiaran Karpal Singh bukan sekadar sebidang hartanah di atas pelan," tambah **Dr K Ganesh**, yang juga seorang bapa dan penduduk lama. "Di sinilah anak-anak kita bermain, keluarga bersiar-siar dan perniagaan kecil berniaga. Jika penambakan ini diteruskan, anak-anak kita akan membesar dengan menghidu bukannya angin laut, tetapi gas beracun dan debu pembinaan."

Tuntutan Utama dalam Memorandum

Dalam memorandum tersebut, penduduk dan ProtectKarpal menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak Pembangkang supaya:

1. **Menolak cadangan projek penambakan dan kitar semula sisa tapak pelupusan secara terbuka** di perairan hadapan Persiaran Karpal Singh dan di koridor saluran dalam Middle Bank;
2. Mengguna pakai pendekatan selamat "**pemulihan tanpa penambakan**" (**rehabilitation without reclamation**), dengan menghadkan kerja pemulihan tapak pelupusan dalam kawasan Tapak Pelupusan Jelutong sedia ada, menggunakan langkah perlindungan alam sekitar dan kesihatan berasaskan amalan terbaik;
3. **Memperkuh perlindungan Middle Bank**, dengan bergerak ke arah pengiktirafan undang-undang sebagai kawasan pemuliharaan taman laut;
4. Memastikan **proses membuat keputusan yang telus dan berasaskan sains**, termasuk pendedahan penuh kepada orang awam ke atas kajian teknikal seperti Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang disemak semula dan Penilaian Kesan Kesihatan (HIA), serta libat urus yang bermakna dengan penduduk, komuniti nelayan, sekolah dan perniagaan kecil sebelum sebarang projek pesisir utama diluluskan.

Penduduk menegaskan bahawa ini bukan isu kepartian, tetapi satu soal **kepentingan awam, keadilan alam sekitar dan tanggungjawab antara generasi**.

“Kami merayu kepada Kerajaan dan Pembangkang untuk berdiri bersama rakyat dalam isu ini,” kata Dr K Ganesh. “Apa pun perbezaan politik kita, kita semua bergantung kepada udara yang bersih, kejiranan yang selamat dan alam sekitar yang dipelihara. Apabila laut sudah dipenuhi bahan buangan yang dikitar semula dan ekosistemnya rosak, bukan mudah untuk kita berpatah balik.”

ProtectKarpal dan para penduduk telah memohon **maklum balas rasmi** daripada pimpinan Negeri dan berikrar untuk terus berkejasama dengan pihak berkuasa, pertubuhan masyarakat sivil dan orang ramai berhubung isu ini.